



Memperkasakan Belia Malaysia

Fakta

Edisi 4/4 2010

ISSN 2180 - 4044

www.ippbm.gov.my



INDUSTRI SUKAN PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

Tahun 2011 telah diisytiharkan sebagai Tahun Industri Sukan. Melalui itu, Malaysia mahu menjadikan sukan sebagai satu industri yang mampu menjana pendapatan untuk negara dan mengubah tanggapan dan pandangan bahawa bidang itu hanya semata-mata untuk aktiviti rekreasi dan penjagaan kesihatan sahaja. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Senator Tuan Gan Peng Shieu memaklumkan bahawa kerajaan telah merangka pelan dengan mengambil model negara-negara yang berjaya mengubah sukan kepada industri menjana pendapatan.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia berpendapat sudah tiba masanya untuk mentransformasikan industri sukan dan bekerja ke arah mengumpul semua data yang relevan. Pada masa sekarang ini industri sukan tidak dapat dibentuk kerana nilainya tidak dapat diketahui dari segi menjana pekerjaan serta sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau Pendapatan Negara Kasar (GDI). Oleh itu, kerajaan sedang berusaha untuk merealisasikan usaha ini bahawa industri sukan boleh direalisasikan sebagai sumber pendapatan utama negara dan usahawan tempatan.

Bagaimanapun, bukan semua jenis sukan boleh dikomersialkan dan tumpuan terhadap sukan yang mempunyai nilai komersial seperti bola sepak, golf, ragbi, bola keranjang, badminton dan sukan permotoran. Menurut perangkaan Kementerian, nilai import 'Freight On Board' (FOB) untuk peralatan berkaitan sukan bertambah dari RM1.4 bilion pada 2008 kepada RM3.07 bilion tahun lepas.

Ini menunjukkan industri sukan di negara ini menyediakan peluang yang luas kepada usahawan tempatan untuk mengembangkan model perniagaan

mereka khususnya bagi usahawan belia. Melalui Pertubuhan Pembangunan Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (YOUTH) akan mewujudkan *Sport Mall* yang pertama seumpamanya di Malaysia dan menjadi pusat sehenti semua industri peralatan dan kemudahan sukan.

Sport Mall ini bertujuan untuk menyokong Industri Sukan 2011 yang telah diumumkan YAB Perdana Menteri Malaysia dengan mempelawa usahawan-usahawan tempatan terutamanya golongan belia terlibat di dalam perniagaan berkaitan.

Sambungan....

Kurang semangat mengakibatkan lebih banyak kegagalan berbanding kurangnya kebijaksanaan atau kemahiran

~ Flower A. Newhouse ~

Selain itu ia menjadi industri sokongan sukan untuk mengembangkan lagi produk-produk serta perkhidmatan usahawan melalui pelbagai program yang telah diaturkan sepanjang tahun. Antara industri yang boleh mengambil tempat untuk berniaga di *Sport Mall* ini seperti kafetaria, makanan dan minuman, pusat kesihatan dan sukan, runcit dan sebagainya. Dijangkakan ia akan mula beroperasi pada awal Januari 2011.

Bersempena dengan tahun industri sukan 2011, para usahawan belia perlu merebut peluang ini untuk terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang menjurus kepada industri sukan ini. Sama ada kita sedar atau tidak sedar, industri sukan ini sebenarnya merupakan penyumbang kepada aktiviti ekonomi yang besar kerana ia

bukan sahaja melibatkan aktiviti penganjuran sukan sahaja. Para usahawan boleh membuat perniagaan mereka dengan menjual atau mengeluarkan produk-produk berorientasikan peralatan sukan atau perkhidmatan yang berkaitan dengan sukan. Melalui cara ini usahawan belia boleh menjadikan sektor industri sukan ini sebagai pemangkin ekonomi mereka. Dilihat daripada statistik di atas, menunjukkan tren pengimportan barangan berasaskan sukan ini telah meningkat hampir 2 kali ganda.

Maka para belia ini harus menjadi lebih kreatif dan peka mengenai permintaan semasa berkaitan perniagaan berasaskan aktiviti sukan ini. Ini kerana secara tidak langsung ia dapat menjana pendapatan belia itu sendiri.

Oleh : Suraya Sulaiman

Industri Sukan : MISI BELIA 2011

Sejauh manakah misi untuk membangunkan industri sukan di Malaysia pada 2011 akan tercapai tanpa melibatkan golongan Belia Malaysia sendiri? Walaupun peruntukan waktu tersebut semakin suntuk, namun sekiranya golongan belia mengambil serius terhadap pembangunan tersebut, tidak mustahil industri ini akan menjadi satu sumber pendapatan negara yang dapat mengatasi sumber yang lain. Persoalan utama, bagaimana strategi yang boleh dibentuk dalam Industri Sukan bagi menggalakkan belia untuk melibatkan diri dalam industri ini?

Umum ketahu, Malaysia telah berjaya mengadakan pelbagai penganjuran pertandingan sukan di peringkat kebangsaan mahupun bertaraf antarabangsa. Sebagai contoh pertandingan antarabangsa yang telah menjadi acara tahunan iaitu *Le Tour de Langkawi* dan juga *Formula One Grand Prix*. Selain daripada itu, Malaysia juga menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA) pada setiap dua tahun.

Secara tidak langsung, pertandingan antarabangsa dan juga tempatan seperti ini telah membuka peluang terhadap golongan belia mengambil kesempatan untuk mempromosi barangan, mahupun perkhidmatan sukan yang terlibat dengan pertandingan tersebut.

Sebagai permulaan, SUKMA merupakan satu tapak awal yang sesuai untuk golongan belia untuk menguji pasaran terhadap barangan dan perkhidmatan sukan yang akan dikeluarkan.

Di samping itu, belia perlu membuat sedikit kajian berkaitan sukan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi seperti bola sepak, golf, ragbi, bola

keranjang, badminton dan sukan permotoran. Dengan merujuk kepada kejayaan industri sukan di Amerika Syarikat dan negara lain, tidak mustahil pihak yang terlibat mampu mendapat keuntungan tanpa bantuan kerajaan. Sebagai contoh, Manchester United sendiri kini mampu bergerak dengan jayanya tanpa bantuan kerajaan.

Dengan hasil pengemblengan setiap pihak yang sama-sama berminat untuk menjayakan industri sukan, tidak mustahil waktu kejayaan tersebut mampu mengambil masa yang singkat berbanding dengan kejayaan Manchester United yang telah mengambil masa yang lebih 10 tahun untuk membina pemainnya dan mencipta juara sebelum mencetuskan kejayaan dalam komersial.

Terdapat pelbagai agensi kerajaan dan juga program yang telah dianjurkan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan belia terlibat sama dalam industri sukan. Kewujudan Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) dan MATRADE di Malaysia dapat membantu golongan belia yang berhasrat tinggi untuk menembusi

industri ini di peringkat antarabangsa. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pula sudah mengenal pasti lokasi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) khusus untuk melatih golongan belia dalam sukan permotoran. Sepertimana yang telah disampaikan oleh Datuk Ahmad Shabery Cheek pada 5 Februari 2010, pembinaan Institut tersebut di satu lokasi berdekatan Litar Antarabangsa Sepang (SIC) dijangka mampu menjadi penggerak kepada industri sukan di negara ini. Katanya, industri sukan permotoran di Asia diunjurkan akan berkembang pesat dan Malaysia perlu menjadi antara yang terawal mengambil peluang menjana keuntungan daripadanya. Industri sukan ini mampu menjana pendapatan berjuta ringgit setiap tahun. Secara tidak langsung, ini menepati cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Abdul Razak untuk menjadikan Malaysia sebagai satu negara berpendapatan tinggi. Penglibatan belia di dalam industri sukan mampu memberi satu paradigma yang berbeza dan ini selaras dengan pendekatan 1 Malaysia Menjana Tranformasi.

Oleh : NSB

Cetusan Ketua Pengarang USAHAWAN BELIA DALAM INDUSTRI SUKAN

Tahun 2011 akan menyaksikan negara memasuki dekad baru yang menjanjikan berbagai pembangunan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia ke 10 (RMK-10). Pelbagai inisiatif yang memacu pembangunan ekonomi telah diumumkan. Inisiatif-inisiatif ini mengandungi pelbagai program yang melibatkan seluruh warganegara khususnya warga belia. Diantara program yang telah diumumkan adalah Tahun 2011 dijadikan sebagai 'Tahun Industri Sukan'. Manakala di sekolah-sekolah, Dasar '1 Murid 1 Sukan' akan dilaksanakan bermula pada tahun 2011.

Pada hakikatnya, kedua-dua program di atas telah melakarkan pelbagai peluang ekonomi yang boleh dijana oleh sesiapa juga yang mahu merebut peluang dan melihat apa juga aktiviti sukan sebagai peluang perniagaan. Peluang perniagaan

biasanya ditafsirkan selari dengan kehendak pasaran. Permintaan terhadap sesuatu barang dan perkhidmatan yang tinggi akan meningkatkan peluang perniagaan. Mengambil contoh peluang menjana ekonomi berikutan dari pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan, pastinya meningkatkan permintaan terhadap semua peralatan dan perkhidmatan sukan.

Mengikut statistik Kementerian Pelajaran, di Malaysia terdapat 9,943 buah sekolah. Daripada jumlah tersebut 7,695 buah sekolah rendah dan selebihnya 2,248 adalah sekolah menengah. Manakala dari segi jumlah murid yang bakal terlibat dengan Dasar 1 Murid 1 Sukan adalah berjumlah hampir 5.5 juta murid dan melibatkan sejumlah 405,716 guru. Angka-angka ini menunjukkan taburan peluang kepada belia untuk memulakan langkah pertama

menjadi usahawan kecil dalam industri sukan di seluruh negara telah tersedia. Keperluan peralatan dan perkhidmatan sukan untuk 9,943 buah sekolah, 5.5 juta murid dan 405 ribu guru menjanjikan pasaran yang luas dalam segmen industri sukan. Belia harus mencari peluang dan mengenalpasti aktiviti yang hendak diceburi sama ada sebagai pembekal barangan sukan, pembekal khidmat pembaikan peralatan sukan atau menyediakan khidmat selepas jualan dan sokongan terhadap berbagai jenis sukan. Industri sukan kini menjadi satu prospek baru dalam menjana ekonomi. Rebutlah peluang dan mulakan dengan langkah pertama!

Zakariah Md. Sam
Ketua Pegawai Operasi

Sidang Redaksi

Penaung

YB. Dato' Ahmad Shabery Bin Cheek
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Penasihat

Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pengarang

Hj. Zakariah Md. Sam

Ketua Editor

Nadya Shaffinaz Bajuri

Sidang Redaksi

Suraya Sulaiman
Zul Fadhli Abd Aziz
Mastura Mohamad
Shariffah Mamat
Shahhanim Yahya
Nor Hamidah Hamzah
Nuurul Mizaan Ya'cob
Dymphna J. Lingkayan

Publisiti

Raja Shahida Raja Hassan
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen
dan pertanyaan anda kepada

info@ippbm.gov.my

SPORTS INDUSTRY : OPPORTUNITIES FOR SPECIAL NEEDS PEOPLE IN SPORT MANAGEMENT POSITIONS

Disunting oleh : Dymphna J. Lingkayan



The following suggestions are offered for increasing opportunities for people with disabilities in sport management positions:

1. Value diversity within the organization;
2. Redefine who is a "Qualified Individual" by:
 - a. Being knowledgeable of existing labour laws related to discriminatory work practices.
 - b. Increasing knowledge and awareness of multiculturalism in general.
 - c. Being knowledgeable and supportive of issues of importance to all groups in the workplace.
 - d. Writing statements about valuing diversity into the organization's code of ethics
 - e. Expanding personal and professional networks.
 - f. Acting as a "mentor" or "womentor" to people with disabilities in one's sport organization.
3. Create organizational visions inclusive of people with disabilities;
4. Create organizational mission statements inclusive of people with disabilities;
5. Actively recruit and retain people with disabilities as employees.

Sumber:

Hums, A. M., Barr, A. C., & Gullion, L. (n.d.). *The Ethical Issues Confronting Managers in the Sport Industry. Journal of Business Ethics*, 20(1), 51-66. doi: 10.1023/A:1005951720456

GERAN PENYELIDIKAN IPPBM 2010

Tajuk Kajian : Kajian Impak Penganjuran Sukan (Petronas GP Formula One)
Penyelidik : Dr. Daud bin Talib (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI))

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk menilai penganjuran sukan Petronas GP Formula One yang dapat membantu menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara. Selain itu, skop kajian ini memberikan tumpuan kepada penjanaaan sumber ekonomi, kesan kepada pembangunan ekonomi setempat serta sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kajian ini juga memberikan kepentingan di dalam beberapa perkara iaitu:

- i) menghasilkan maklumat sejauh manakah penganjuran Petronas GP Formula One dapat memberi sumbangan kepada pendapatan ekonomi negara;
- ii) mempunyai kesan dan nilai tambah ke atas pembangunan industri-industri sampingan; dan
- iii) membantu untuk perancangan dan merangka strategi ke arah penambahbaikan.


Metodologi kajian ini dijalankan adalah melalui empat (4) fasa iaitu:

- i) Fasa 1 – melibatkan pengumpulan maklumat asas dan kajian literatur yang dilakukan sebelum ini.
- ii) Fasa 2 – melibatkan pengumpulan data primer dan sekunder di mana ia digabungkan bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian.
- iii) Fasa 3 – melibatkan analisis terhadap data dan maklumat yang dikumpulkan.
- iv) Penemuan kajian – melibatkan cadangan dan rumusan yang memberi fokus kepada impak penganjuran Petronas GP Formula One.


Manakala pecahan populasi dan sampel kajian bagi kajian impak penganjuran “Formula One Petronas Malaysia GP” adalah seperti berikut:

Bil	Nama	Populasi	Sample
1	Syarikat penganjur	1	1
2	Pembekal / Pemborong	100	50
3	Agensi kerajaan / PBT	10	5
4	Hotel / Resorts	50	25
5	Syarikat penerbangan	5	3
6	Lapangan terbang / Pelabuhan / KTMB	5	3
7	Pengiklanan	30	15
8	Penajaan	20	10
9	MNCs	10	5
10	GLCs	5	3
11	Industri kecil dan sederhana	100	50
12	Persatuan Bas & Teksi	20	10
13	Media	20	10
14	Persatuan / Kelab sukan	15	7
15	IPT / Kolej	20	10
16	Peminat	150,000	350

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata perbelanjaan bagi setiap responden boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu perbelanjaan untuk tiket, tambang atau minyak kenderaan serta tol, makan minum, penginapan dan lain-lain seperti pembelian cenderahati. Purata perbelanjaan paling tinggi oleh responden ialah perbelanjaan untuk tiket iaitu sebanyak RM338.49 dan penginapan iaitu sebanyak RM307.78.



Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan anggaran jumlah perbelanjaan penonton yang hadir sepanjang 3 hari Petronas GP Formula One berlangsung adalah RM37 juta. Pecahan jumlah perbelanjaan penonton adalah pembelian tiket iaitu RM18.6 juta, diikuti dengan tambang pengangkutan iaitu RM6.3 juta. Manakala anggaran jumlah perbelanjaan penonton bagi makan dan minum ialah RM4.7 juta dan penginapan pula ialah RM3 juta.



Kajian ini juga meninjau tentang perolehan jualan dari pembekal di mana dapatan kajian menunjukkan bahawa secara purata jumlah jualan yang diperolehi oleh setiap pembekal makanan dan minuman adalah sebanyak RM2,700.00. Manakala penjual barangan sukan pula memperolehi anggaran jualan sebanyak RM50,000.00 dan pembekal yang menjaga tempat letak kereta serta topi keledar menganggarkan jualan mereka adalah sebanyak RM200,000.00.



Berdasarkan kepada dapatan kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu beberapa pihak yang terlibat di dalam penganjuran Petronas Formula One GP merangka aktiviti ekonomi terutamanya ekonomi masyarakat setempat dan seterusnya menjana ekonomi negara. Selain itu, terdapat pelan tindakan yang dicadangkan oleh penyelidik bagi membantu penganjuran Petronas Formula One GP menjadi sebagai salah satu industri sukan yang berjaya di Malaysia. Antara pelan tindakan yang dicadangkan ialah promosi penganjuran Petronas Formula One GP perlu dipertingkatkan lagi, membentuk data asas industri sukan di Malaysia dan perancangan penganjuran perlu dibuat bersama di antara Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), Sepang International Circuit (SIC) serta Kementerian Pelancongan.

Disunting oleh : Zul Fadhl Abd. Aziz

PERISTIWA : KONVENSYEN INDUSTRI SUKAN 2010 (KISMAS II)


Konvensyen Industri Sukan 2010 (KISMAS II) telah dilaksanakan di Hotel Palace of The Golden Horses pada 28–30 Oktober 2010 yang lalu. Ia telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek, Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Sempena berlangsungnya KISMAS II ini, turut juga diadakan program 'Malaysia Sport Trade & Golf Expo 2010' (MSTGE 2010) di The Mines. Peserta KISMAS II ini terdiri daripada individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam industri sukan ini seperti daripada pihak broadcasting, pengiklanan, jurulatih, usahawan, pegawai kerajaan dan ahli-ahli akademik.

Beberapa objektif telah digariskan bagi memastikan konvensyen tersebut dapat berjalan dengan lancar iaitu:

1. Mewujudkan sinergi kerjasama dari sudut perkongsian pintar, pengetahuan dan kemahiran dengan agensi-agensi sukan negara dan antarabangsa.
 2. Memberikan pendedahan dan maklumat terkini mengenai strategi menjana industri sukan ke arah pembangunan ekonomi negara.
 3. Memperkukuhkan rangkaian kerjasama antara Kementerian Belia dan Sukan bersama lain-lain agensi yang terlibat di dalam pembangunan ekonomi negara melalui aktiviti dan penganjuran sukan.
1. *The Business of Sport Industry*
 2. *Sports Hospitality : The Way Forward*
 3. *Carrier Advancement In Sport Related Field*
 4. *Interest In Professional Sports*
 5. *Foreign Investment Promotion Focusing The European And Asia Zone*
 6. *The Malaysian Focus : Sharing My Business Secrets*
 7. *Producing Future Sport Industry Players: Strength And Opportunities Among University Undergraduates*
 8. *Asian Sport Industries And The Way Forward*
 9. *Sports And Tourism In Malaysia*
 10. *Media Networks And Viewership*
 11. *Niche marketing strategy to save time and money applied by Petronas in Formula One*
 12. *Sport Sponsorship as a Marketing Communication Tool: Case Studies of CIMB*

Sepanjang 3 hari konvensyen tersebut berlangsung, sebanyak 12 kertas telah dibentang dan dibincangkan bersama. Antaranya adalah seperti berikut:-

Oleh : Suraya Sulaiman



Gambar : Sekitar Majlis Konvensyen Industri Sukan 2010 (KISMAS II)

RENCANA

Laman rencana adalah salah satu ruangan yang terdapat di dalam laman web IPPBM. Laman ini boleh dicapai melalui ruangan 'Pautan Pantas' yang terdapat pada laman utama dan seterusnya klik pada imej Pusat Sumber untuk ke laman tersebut.

Sehingga kini terdapat sebanyak 41 rencana telah dimuatkan dalam ruangan ini. Rencana ini adalah hasil penulisan atau pendapat yang telah dikemukakan berkaitan dengan isu pembangunan belia. Sumber utama rencana ini diperolehi daripada akhbar perdana seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star dan New Straits Times.

Terdapat banyak aplikasi yang boleh digunakan untuk membuka fail pdf tersebut. Diantara yang sering digunakan adalah Adobe Acrobat Reader. Pengguna juga diberi pilihan untuk menyimpan fail tersebut dengan memuat turun ke komputer individu atau membacanya secara online.


Ruangan ini akan dikemaskini secara berkala setiap minggu atau mengikut isu yang bersesuaian untuk dimuat naik. Seterusnya pengguna boleh memilih untuk membuat paparan rencana mengikut jumlah yang disenaraikan pada laman web sepertimana rajah 2.

Oleh : Nor Hamidah Hamzah

Rajah 1: Laman Rencana Pada Laman Web IPPBM




Rajah 2: Laman Rencana Pada Laman Web IPPBM



SUCCESS..... seems to be connected with action. Successful men keep moving. They make mistakes, but they don't quit.

~ Conrad Hilton ~


Ulasan Buku Pilihan



Tajuk : Malaysia 50 Fakta Asas Kenegaraan
Penulis : Chamil Wariya
Penerbit : Media Global Matrix Sdn. Bhd.
Tahun : 2007

Buku Malaysia 50 Fakta Asas Kenegaraan ini memuatkan 50 fakta asas kenegaraan yang berguna sebagai panduan bagi semua yang berminat mengenai perjalanan yang dilalui oleh Malaysia sejak mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Ia meliputi:

- Maklumat umum yang menjadi paksi pembinaan sesebuah negara.
- Institusi pemerintahan cabang legislative, eksekutif dan judisiari.
- Lambang kebangsaan.



Tajuk : Youth Soccer : From Science To Performance
Penulis : Gareth Stratton et. al.
Penerbit : Rotledge, UK
Tahun : 2004

Youth Soccer : From Science to Performance provides the first comprehensive guide to the science behind development of young players. Each chapter in this innovative collection by world leading specialist demonstrates how sport science research can and should, directly inform coaching practice.

The Book Includes, growth young physiological systems, development of children's motor and perceptive skills, paediatric environmental physiology, prevention of injury in young players, diet and nutrition, effective teaching and coaching. This book is essential resource for students and academics. It will also be an invaluable coaches at all levels.

**Buku-buku tersebut boleh diperolehi di Pusat Sumber IPPBM